

Kerjasama masyarakat bantu cegah penyakit

SINAR 13-1-2008 M/S/15

Pelbagai penyakit yang berkaitan dengan alam sekitar seperti denggi dapat dicegah sekiranya mendapat sokongan dan bantuan dari masyarakat dalam mengadakan pelbagai program kesedaran mengenainya.

■ NOR FARHANA YAACOB

GOMBAK SETIA - Segala penyakit ada pengubatnya dan segala penyakit juga boleh dicegah dengan adanya sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat.

Ahli Parlimen Gombak, Datuk Dr. Rahman Ismail berkata, ahli-ahli pemimpin perlu memainkan peranan penting bagi membantu masyarakat mencegah sesuatu penyakit.

Katanya, pelbagai penyakit yang berkaitan dengan alam sekitar seperti denggi dapat dicegah sekiranya mendapat sokongan dan bantuan dari masyarakat dalam mengadakan pelbagai program kesedaran mengenainya.

"Saya berharap pemeriksaan kesihatan juga perlu diberikan percuma



Dr. Rahman ketika memberi ucapan pada Majlis Perpisahan Badan Penasihat Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Taman Kenanga Gombak Setia semalam.

kepada orang awam memandangkan kerajaan amat mementingkan kebajikan rakyat.

"Kerajaan telah memansuhkan yuran persekolahan dan tidak salah sekiranya kerajaan juga memansuhkan yuran pemeriksaan kesihatan kepada orang awam," katanya ketika ditemui pada Majlis Perpisahan Badan Penasihat Klinik

Kesihatan Ibu Dan Anak Taman Kenanga Gombak Setia semalam.

Tambahnya, perkara tersebut telah pun dibentangkan dalam parlimen untuk bajet 2008 baru-baru ini.

Selain itu, beliau berharap kerajaan sentiasa berlaku adil untuk memastikan hospital kerajaan dan pusat kesihatan dinaikkan taraf dengan

mempunyai kakitangan mencukupi dan lengkap yang kukuh.

"Saya pernah membuat tinjauan di Hospital Kuala Lumpur dan mendapati seorang doktor terpaksa memeriksa hampir 100 pesakit sehari menyebabkan tempoh masa untuk merawat seseorang pesakit hanya beberapa minit," katanya.

Sementara itu, dalam

majlis tersebut, dianggarkan seramai 150 orang yang hadir termasuk Pegawai Kesihatan Daerah Gombak dan para pemimpin masyarakat.

Dalam majlis itu, Dr. Rahman turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 7 panel kesihatan yang telah berkhidmat selama dua tahun di klinik berkenaan.